



19 JUL, 2026

12 pasukan uji kehebatan pada Kejohanan Bola Sepak TNB-Media 2026

Kosmo Ahad, Malaysia



PEMAIN-PEMAIN pasukan daripada pelbagai media bergambar kenangan sebelum bermulanya Kejohanan Bola Sepak TNB-Media di Padang Kilat TNB di Bangsar semalam.

12 pasukan uji kehebatan pada Kejohanan Bola Sepak TNB-Media 2026

KUALA LUMPUR – Seramai 12 pasukan yang mewakili organisasi media utama negara berentap pada Kejohanan Bola Sepak TNB-Media sempena Piala Dunia FIFA 2026 bertempat di Padang Kilat, Kompleks Sukan TNB, Jalan Bangsar di sini semalam.

Kejohanan anjuran Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan (GCC), Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu menyaksikan penyertaan TV3, NSTP, Sinar Harian, Bernama, Bernama TV, Astro Awani, Astro Arena, RTM, Malaysia Gazette, Utusan

Malaysia, Kosmo! serta pasukan TNB selaku tuan rumah. Kejohanan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan strategik antara TNB dan rakan-rakan media selain menghangatkan lagi suasana Piala Dunia yang sedang berlangsung.

Hadir bersama-sama memeriahkan kejohanan ialah barisan pengurusan tertinggi TNB termasuk Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Kamal Arifin A. Rahman yang menjalankan tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, serta Ketua Komunikasi

Korporat Kumpulan TNB, Samsul Ariffin Zainuddin. Kali terakhir TNB menganjurkan kejohanan seumpama ini adalah pada tahun 2019, iaitu kejohanan futsal bersama media bersempena dengan Hari Belia Negara.